

KUALA LUMPUR, 9 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MALAM INI BERKATA, BELIAU TIDAK YAKIN SEBUAH BADAN PENGESAN PILIHAN RAYA YANG BENAR-BENAR BEBAS YANG DIANGGOTAI OLEH RAKYAT TEMPATAN DAPAT DIWUJUDKAN KERANA TERLALU BANYAK PRASANGKA.

+KITA KHUATIR AKAN ADA TUDUHAN-TUDUHAN BAHAWA MEREKA INI MEMPUNYAI KEPENTINGAN MASING-MASING HASIL DARI PILIHAN RAYA ITU SENDIRI+, KATANYA DALAM WAWANCARA RANCANGAN ISU SEMASA RTM.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, SEKIRANYA KERAJAAN MEMBENTUK SATU BADAN BEBAS, AKAN TETAP TIMBUL TUDUHAN BAHAWA MEREKA ITU TERDIRI DARIPADA ORANG KERAJAAN.

KATANYA, ATAS DASAR ITU KERAJAAN MENJEMPUT KUMPULAN PEMERHATI ASING KERANA SEBAGAI ORANG LUAR MEREKA TIDAK MEMPUNYAI KEPENTINGAN YANG MEMUNGKINKAN MEREKA MENJADI MANGSA TUDUHAN PELBAGAI PIHAK.

DALAM SOAL INIPUN PARTI LAWAN DIBERI PELUANG MENYATAKAN PANDANGAN MEREKA SAMA ADA BERSETUJU DENGAN CADANGAN KERAJAAN ITU ATAUPUN TIDAK.

+KITA BUKAN SEPERTI PENGESAN PILIHAN RAYA YANG ADA. DIA ANGKAT DIRI DIA, DIA HENDAK SEMUA ORANG BERSETUJU DAN MESTI TERIMA PENDAPAT DIA. INI TIDAK MUNGKIN+, KATANYA. -- LAGI.

1712MST 09 07 90

D884

R B396 AAB  
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA SOAL PEMERHATI ASING DIJEMPUT MENGAWASI PERJALANAN SESUATU URUSAN DALAM NEGARA, BUKAN MERUPAKAN SATU PERKARA BARU YANG HARUS DIRAGUI.

KERAJAAN PERNAH MENERIMA SURUHANJAYA COBBOLD SEMASA PENUBUHAN MALAYSIA DAN KUMPULAN PEMERHATI SEMASA PEMBENTUKAN PERLEMBAGAAN MALAYSIA DAN TINDAKAN ITU TIDAK DIANGGAP SALAH.

+KALAU KERAJAAN MENANGPUN (DALAM PILIHAN RAYA) MEREKA INI TIDAK JADI APA, DAN JIKA KERAJAAN KALAH PUN MEREKA TIDAK JADI APA. LEBIH BAIKLAH KITA BAWA PEMERHATI ASING+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, YANG SEHARUSNYA DIPERSOALKAN SEKARANG IALAH KREDIBILITI PENGESAN PILIHAN RAYA YANG MEMPUNYAI ANGGOTA YANG DIPILIH SESAMA SENDIRI.

KATANYA, TIADA SIAPA YANG MENCADANGKAN PERLANTIKAN MEREKA SEBALIKNYA MEREKA MENGANGKAT DIRI SENDIRI UNTUK MENJADI PENGADIL MENGAWASI PERJALANAN PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

+WALAUPUN MEREKA MEMPUNYAI LATAR BELAKANG TERTENTU, TETAPI APA HAK MEREKA DAN KENAPA MEREKA DAN TIDAK ORANG LAIN?+ -- LAGI.

1721MST 09 07 90

D906

R B405 AAB  
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, SEDANGKAN, SEMUA TAHU MEREKA INI TERDIRI DARIPADA ORANG YANG TIDAK PERNAH BERKATA SEPATAH YANG BAIK TERHADAP KERAJAAN DAN MENJADI PENYOKONG PARTI LAWAN.

+BOLEHKAH ORANG SEMACAM ITU, YANG BEGITU BERAT SEBELAH, MENJADI PEMERHATI? SOALNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SETAKAT INI TIADA SATUPUN PARTI PEMBANGKANG YANG TIDAK BERSETUJU MENGENAI JEMPUTAN ITU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU KURANG FAHAM MENGENAI PELBAGAI SYARAT YANG DIBERIKAN TERMASUK PERMINTAAN PENGESAN PILIHAN RAYA UNTUK MENJADI PEMERHATI KEPADA KUMPULAN PEMERHATI ITU.

+KITA BUKAN HENDAK PANGGIL HAKIM MEMERIKSA KES-KES LAMA, TETAPI SEKUMPULAN ORANG UNTUK MEMERHATI SAMA ADA PILIHAN RAYA KITA DIJALANKAN SECARA TERTIB DAN ADIL+, KATANYA.

PERDANA MENTERI TURUT BERCAKAP MENGENAI WAWASANNYA BERDASARKAN PERGOLAKAN DI SELURUH NEGARA SEKARANG DAN BERPENDAPAT MALAYSIA MEMPUNYAI POTENSI BERKEMBANG MAJU LEBIH CEPAT DARIPADA SESETENGAH NEGARA LAIN. -- LAGI.

D909

R B408 AAB  
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+HANYA YANG PENTING KITA FAHAM MATLAMAT YANG KITA TUJU DAN TAHU MEMBAWA DIRI DAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA KEMAJUAN+, KATANYA.

BELIAU BERPENDAPAT BUKANLAH SESUATU YANG MUSTAHIL BAGI MALAYSIA MENJADI SAMA MAJU DENGAN EROPAH DAN AMERIKA DAN YANG PERLU DIBUAT SEKARANG IALAH MEMULAKAN LANGKAH PERTAMA.

KATANYA, USAHA ITU SUDAH TENTU MEMAKAN MASA +TETAPI HANYA KERANA IA MEMAKAN MASA, TIDAK BERMAKNA KITA TIDAK HARUS BERMULA+.

DALAM MEMPERKATAKAN PERJUANGAN MALAYSIA BERSAMA NEGARA-NEGARA KETIGA, PERDANA MENTERI MENGAKUI ADA SESETENGAH PIHAK YANG BERPENDAPAT KERAJAAN TERLALU LANTANG MENKRIK NEGARA MAJU.

+TETAPI UMUMNYA DARIPADA LAPORAN YANG DITERIMA, NEGARA MAJU MENGANGGAP MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA SEDERHANA, YANG SEIMBANG DAN TIDAK KETERLALUAN. -- LAGI.

1822MST 09 07 90

D911

R B410 AAB  
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+KALAU KITA KADANG-KADANG MENKRIK NEGARA MAJU DENGAN LANTANG IA BERDASARKAN KEPADA PERKARA YANG BENAR DAN KITA MESTI BERANI MEMPERKATAKAN YANG BENAR+, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK HARUS TERLALU TUNDUK KEPADA KEKUATAN HINGGA BOLEH DITINDAS. -

KATANYA, MALAYSIA HARUS BERPEGANG KEPADA YANG BENAR -- MENEGUR KESALAHAN YANG DILAKUKAN WALAUPUN OLEH SEBUAH NEGARA MAJU DAN KUAT SEBALIKNYA SANGGUP MEMUJI KEBAIKAN YANG DILAKSANAKAN OLEH NEGARA BERKENAAN.

-- BERNAMA.

1825MST 09 07 90